Pada peringkat awal para saintis telah mula mengkaji kemungkinan penggunaan bakteria yang bukan bersifat patogen dalam usaha merawat pesakit yang dijangkiti oleh bakteria yang bersifat patogen. Pada tahun 1877, Louis Pasteur telah menunjukkan bahawa bakteria yang menyebabkan penyakit antraks yang mengganggu sistem pernafasan menjadi tidak aktif apabila disuntik dengan bakteria yang dipencarkan daripada tanah, kepada haiwan ujian. Pada tahun 1887 pula, Rudolf Emmerich telah menunjukkan bahawa jangkitan kolera pada saluran pencernaan dapat dihalang jika haiwan itu pernah dijangkiti oleh bakteria *Streptococcus* sebelumnya.

Sementara saintis ini membuktikan bahawa jangkitan bakteria patogen boleh dirawat dengan bakteria bukan patogen, pada tahun 1888, seorang saintis dari Jerman, E. de Freudenreich telah memencarkan bahan antibiotik yang sebenar daripada bakteria yang menunjukkan aktiviti antibakteria. Freudenreich telah menunjukkan bahawa pigmen biru yang dirembeskan di dalam kultur oleh bakteria *Bacillus pyocyaneus* mampu menghalang pertumbuhan bakteria lain yang tumbuh di dalam kultur sel. Pigmen biru itu telah dikenali sebagai piokianase dan ia didapati mampu membunuh pelbagai

bakteria yang bersifat patogen. Kajian seterusnya telah membuktikan bahawa piokianase adalah toksik dan tidak stabil. Ia adalah antibiotik semulajadi yang pertama yang telah gagal dikembangkan sebagai drug untuk merawat jangkitan bakteria patogen.

Pada awal tahun 1920 an, seorang saintis dari British, Alexander Fleming telah melaporkan bahawa bahan daripada air mata manusia dapat melisiskan sel bakteria. Penemuan Fleming, yang beliau menamakannya sebagai lisozim merupakan agen antibakteria yang pertama yang didapati pada manusia. Lisozim juga gagal dikembangkan sebagai drug semulajadi kerana ia hanya membunuh bakteria yang bukan patogen atau ia adalah antibiotik yang lemah (Fleming, 1922)

Penemuan kedua Fleming's telah membawa revolusi dalam bidang perubatan. Pada tahun 1928, Fleming telah menemui agen antibakteria yang kedua apabila beliau melihat satu set piring petri yang lama yang mengandungi kultur bakteria. Salah satu daripada piring petri yang mengandungi koloni *Staphylococcus*, didapati lisis pada kawasan yang hanya terdapat pertumbuhan kulat dan beliau telah menganggap bahawa bahan antibakteria yang dirembeskan oleh kulat tersebut yang menyebabkan sel pecah.

Walaubagaimana pun pada tahun 1896, seorang pelajar perubatan berbangsa Perancis, Ernest Duchesne telah menemui bahan antibiotik penisilin, tetapi mereka gagal mengaitkan perhubungan diantara kulat dan bahan antibakterianya. Melalui kajian lanjutan, Fleming telah menunjukkan

bahawa kulat itu sebenarnya merembeskan suatu bahan antibiotik iaitu penisilin dan ia meresap melalui agar pada piring petri untuk menghalang pertumbuhan bakteria tersebut. Dengan mengekstrak penisilin beliau telah menunjukkan kesannya secara langsung (Silverthorn, 2004)

Penemuan penisilin pada 1928 oleh Alexander Fleming merupakan suatu penemuan yang paling penting dalam sejarah bidang antibiotik. Penemuan ini telah membawa kepada revolusi dalam pemahaman kita terhadap antibiotik dan dalam pendekatan merawat penyakit yang disebabkan oleh jangkitan mikroorganisma yang bersifat patogen. Hasil maklumat yang terkumpul sehingga sekarang telah membuktikan yang antibiotik merupakan pilihan terbaik untuk merawat penyakit yang disebabkan oleh jangkitan patogen.

Semenjak zaman silam lagi manusia telah menggunakan bahan-bahan semulajadi untuk kepentingan perubatan. Produk-produk ini biasanya diperolehi daripada alam tumbuhan, rumpair, haiwan atau daripada mikroorganisma. Drug boleh didefinisikan sebagai komponen bahan kimia yang digunakan untuk tujuan merawat penyakit tertentu atau tujuan penjagaan kesihatan serta pemakanan. Antibiotik pula merupakan metabolit sekunder yang dihasilkan oleh bakteria dan kulat untuk melindungi diri mereka daripada serangan mikroorganisma yang lain dengan menghalang pertumbuhan atau dengan membunuh mikroorganisma lain pada kepekatan yang sangat rendah. Farmakognosi pula boleh didefinisikan sebagai kajian

bahan semulajadi yang mempunyai kepentingan atau kegunaan dalam bidang perubatan.

Oleh itu objektif utama dalam bidang farmakognosi ialah untuk mencari komponen-komponen bahan kimia yang sesuai daripada alam semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan dan alga marin yang mampu bertindak sebagai antibiotik atau drug. Produk yang diperolehi daripada alam semulajadi biasanya didapati sangat sesuai dan berkesan sebagai drug. Akan tetapi masalah ketoksikan drug juga kadang-kala wujud. Maka dalam usaha pencarian produk baru sebagai drug, ia memerlukan suatu kaedah yang sistematik untuk menguji sama ada drug ini berfungsi dalam sistem manusia dan juga kesesuaianya sebagai bahan drug yang baru. Disamping itu dalam usaha pencarian drug baru, kajian dasar tentang biologi dan kimia sesuatu penyakit juga amat diperlukan. Lantaran itu pencarian drug baru juga memerlukan bantuan daripada pakar-pakar daripada bidang lain seperti perubatan, biokima, farmakologi, matematik, komputer dan sebagainya.

Kaedah moden yang melibatkan penggunaan teknologi boinformasi dan biologi molekul juga telah memainkan peranan yang penting dalam pencarian drug baru dan telah membawa kepada suatu paradigma baru. Paradigma baru ini telah membuatkan suatu pendekatan baru dalam usaha pencarian dan pembentukan drug baru melalui kuasa komputer yang mengubah kajian makmal konvensional kepada kajian maya secara *in silico* dengan bantuan komputer. Kajian ini melibatkan kajian maya sesuatu molekul bioaktif yang menjadi calon drug baru dan merekabentuk molekul bioaktif tadi menjadi drug

baru jika ia menunjukkan ciri-ciri yang sama dengan komponen bioaktif yang diketahui. Disamping itu, teknologi bioinformasi juga boleh digunakan untuk menyediakan monograf tumbuhan perubatan yang memberi maklumat tentang penggunaan sesuatu tumbuhan dalam perubatan dan ciri-ciri tumbuhan tersebut. Disamping itu, teknologi bioinformasi juga boleh menyediakan suatu pengkalan data yang dapat memberikan maklumat tentang sesuatu struktur molekul bioaktif tersebut.

Tiga per empat daripada dunia kita terdiri daripada air yang merupakan khazanah yang mewah dengan pelbagai hidupan invertebrata, alga, bakteria, kulat, disamping pelbagai flora dan fauna lain. Organisma marin atau akuatik ini sesungguhnya telah lama dikenali sebagai agen yang mempelopori ke arah penyumbangan komponen bioaktif yang boleh digunakan untuk penghasilan drug. Kebanyakan daripada organisme ini merupakan gedung simpanan beribu-ribu komponen bioaktif yang menunjukkan sifat antimikrob dan antikanser (Fishel *et al.*, 1995; Mayer & Lehmann, 2001) dan boleh digunakan sebagai drug untuk merawat pelbagai penyakit yang merbahaya seperti kanser, AIDS, malaria dan sebagainya.

Penghasilan antibiotik daripada sumber marin juga menjadi semakin penting kerana rawatan antimikrob yang sedia wujud pada masa kini didapati menunjukkan ketidak berkesanan apabila rintangan terhadap antibiotik itu berlaku (Metzger & Hoffmann 1997). Pada tahun 1945, dalam temuramah dengan *The New York Times*, Fleming telah menasihatkan bahawa penyalahgunaan penisilin boleh membawa kepada rintangan terhadap antibiotik penisilin. Fleming telah menyatakan bahawa rintangan terhadap

penisilin boleh berlaku apabila dinding sel bakteria menjadi lebih kuat atau melalui protein bakteria mutan yang dapat memusnahkan penisilin. Masalah di atas telah meningkatkan lagi minat para ahli sains untuk mencari bahan antimikrob daripada bahan semulajadi (Hammer *et al.*, 1998) seperti alga marin yang dianggap lebih berkesan.

Pada masa yang sama, drug sintesis memerlukan kos dan biayai yang tinggi untuk menghasilkannya. Kebanyakan drug sintesis telah dikatakan boleh memberikan kesan sampingan yang serius dan mendorong kepada kerosakan genotoksik (Epstein, 1990).

Dewasa ini, syarikat-syarikat gergasi farmaseutis sudah pun memulakan penglibatan mereka dalam penyelidikan tentang sebatian bioaktif ke arah menjayakan program pemencilan, pencirian dan penghasilan drug asli daripada sumber semulajadi. Syarikat-syarikat tersebut berminat ke atas herba, mikroorganisma dan organisma lautan seperti alga yang kebanyakannya terdapat di negara-negara membangun sebagai sumber utama komponen bioaktif di dalam industri pembuatan entiti drug yang baru. Mengikut kenyataan *US Food and Drug administration* daripada tahun 1983 sehingga 1994, didapati 61% daripada agen antikanser berasal daripada sumber semulajadi. Oleh itu, untuk membuktikan keupayaan alga marin ini sebagai sumber drug baru yang berpotensi, maka suatu siri kajian yang mendalam dan terperinci perlu dilaksanakan. Perairan Malaysia kaya dengan pelbagai alga marin dan ini termasuklah *Gracilaria changii* yang begitu terkenal dikalangan masyarakatnya. Daripada beberapa laporan awal, ia didapati

sesuai dijadikan calon untuk pencarian drug baru. Sekiranya kenyataan ini terbukti maka ia akan memberikan cahaya baru dalam bidang farmaseutis yang akhirnya akan menghasilkan sebatian bioaktif yang bersifat antimikrob, antioksidan dan mungkin juga antikanser. Secara tidak langsung, keadaan ini akan menarik lebih banyak pelabor asing untuk melabor di Malaysia, dan seterusnya meningkatkan ekonomi negara kita, disamping membuka banyak peluang pekerjaan kepada penduduknya.

## **1.1 TUMPUAN DAN OBJEKTIF PENYELIDIKAN**

Suatu kajian terperinci keatas alga marin tempatan, *G. changii* dilakukan untuk membuktikan keupayaan dan keberkesanannya sebagai agen antimikrob, antioksidan dan juga antikanser. Untuk mencapai matlamat ini, maka beberapa objektif penyelidikan telah dirancangkan seperti;

- a) Mengekstrak dan menyediakan profil bagi komponen bioaktif mengikut masa bagi ekstrak *G. changii* selama satu tahun.
- b) Menentukan aktiviti antioksidan ekstrak *G. changii*.
- c) Penyaringan dilakukan ke atas mikroorganisma ujian patogen kulat, bakteria, dan yis untuk mengesan aktiviti antimikrob dengan nilai kepekatan perencatan minimum (MIC) dan nilai kepekatan maut minimum (MLC).
- d) Menyediakan kelok kematian mikroorganisma patogen sebagai kesan ekstrak *G. changii*.
- e) Mengkaji kesan ke atas morforlogi sel mikroorganisma patogen daripada ekstrak *G. changii* dan mengkaji mekanisme tindakan.

- f) Menyediakan data ketoksikan ekstrak *G. changii* terhadap *Artemia salina* dan mencit secara *in vivo*. Mengesan aktiviti antikanser terhadap sel kanser manusia HepG2 secara *in vitro*.
- g) Penggunaan ekstrak *G. changii* sebagai agen rawatan ke atas haiwan yang diaruh penyakit kandidiasis.
- h) Menentukan komponen utama bahan antiyis dan mekanisme tindakannya dalam ekstrak *G. changii*.

## BAB 2.0 TINJAUAN BAHAN BACAAN

### 2.1 Bahan semula jadi dan kajian aktiviti antimikrob dahulu, kini dan pada masa hadapan

Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sebanyak tiga per empat daripada populasi dunia bergantung pada bahan semulajadi (kebanyakannya adalah herba) untuk penjagaan kesihatan manusia (Gilani & Rahman, 2005). Sebelum manusia menemui kewujudan mikrob idea tentang bahan semulajadi mempunyai keupayaan merawat setengah penyakit telahpun diterima umum. Sejarah juga menunjukkan bukti yang kukuh tentang penggunaan bahan semulajadi oleh masyarakat primitif. Sejak masa silam lagi manusia telah menggunakan tumbuhan untuk merawat penyakit yang bersifat jangkitan dan ada diantara tumbuhan itu yang masih digunakan lagi sehingga kini. Sebagai contoh bawang putih (*Allium sativum*) dan pokok teh (*Camellia sinensis*) telah dilaporkan sebagai agen antimikrob yang mempunyai spektrum tindakan yang luas (Heinrich *et al.*, 2004) dalam rawatan jangkitan saluran pernafasan, urinari, gastrointestin dan sistem hati manusia. Kuinin daripada pokok kinkona (*Cinchona*) telah lama digunakan untuk merawat penyakit malaria sebelum penyakit itu dikenali dan disahkan secara saintifik. Pada pertengahan abad ke sembilan belas, sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah ubat-ubatan adalah berasaskan sumber bahan semulajadi (Ríos & Recio, 2005). Revolusi yang belaku seterusnya telah membawa kepada dominasi drug sintesis dan pertumbuhan perindustrian farmasi. Walaupun begitu penghasilan drug daripada bahan semulajadi masih menjadi pilihan utama. Pada masa kini terdapat sekurang-kurangnya 25% daripada drug yang dijual di negara-negara barat adalah daripada tumbuhan atau bahan semulajadi dan memang tidak dapat dinafikan

kebanyakkan drug sintesis yang dijual sekarang juga adalah prototip bahan semulajadi (Gilani *et al.*, 1992). Aspirin, atropin, artimesinin, kolkisin (colchicine), digoksin, efedrin, morfin, fisostigmin, pilokarpin, kuinin, kunidin, reserpin, taksol, tubokurarin, vinkristin, dan vinblastin merupakan contoh-contoh drug yang boleh diperolehi secara komersial dan merupakan hasil daripada bahan semuajadi (Gilani *et al.*, 1992).

Pada masa dahulu kebanyakkan kajian adalah tertumpu kepada alam tumbuhan. Mengikut Recio *et al.*, (1989a) diantara tahun 1978 dan 1988, sebanyak 75 spesies tumbuhan telah dikaji secara terperinci untuk aktiviti biologinya dan mereka juga telah melaporkan bahawa kumpulan fenolik merupakan konstituen kimia yang utama yang dipencarkan, dengan bakteria Gram positif sebagai bakteria paling sensitif terhadap ekstrak tumbuhan. Mereka juga melaporkan bahawa masalah utama yang dialami oleh para saintis ialah untuk mempiawaikan kaedah yang digunakan untuk mengkaji ekstrak tumbuhan dalam menentukan aktiviti antimikrob. Keadaan ini telah membawa kepada keputusan bagi aktiviti antimikrob yang berbeza bagi ekstrak tumbuhan yang sama oleh para saintis yang berlainan (Pellecuer *et al.*, 1976). Pada tahun 1988 Ríos *et al.*, (1988) telah melaporkan beberapa kaedah eksperimen untuk mencerakin aktiviti antimikrob ekstrak tumbuhan termasuklah kaedah peresapan agar dan kaedah pencairan kaldu. Akhirnya kaedah pencairan kaldu telah diterima sebagai kaedah unggul oleh kebanyakkan saintis.

Pada masa kini pula kebanyakkan kajian antimikrob adalah bertumpu kepada aktiviti antimikrob bahan semulajadi tanpa menyatakan aplikasinya.

Terdapat juga saintis yang hanya menumpukan kajian antimikrob bahan semula jadi terhadap mikrob yang bersifat patogen obligat seperti *Candida albicans* (Duarte *et al.*, 2005), *Helicobacter pylori* (O'Gara *et al.*, 2000), *Escherichia coli* enteropatogen (Voravuthikunchai *et al.*, 2004), *Neisseria gonorrhoeae* (Shokeen *et al.*, 2005), bakteria rintang antibiotik seperti *Staphylococcus aureus*, yang rintang terhadap metisilin (MRSA; Machado *et al.*, 2003) dan *Salmonella typhi* (Rani & Khullar, 2004). Terdapat juga kajian antimikrob yang dijalankan untuk tujuan kosmetik dan pengawetan makanan yang dirosakkan oleh mikrob, malah rempah dianggap sebagai agen antimikrob terhadap bakteria dan yis yang bersifat patogen kepada manusia. Kajian antimikrob yang telah dilakukan oleh Arora dan Kaur (1999) menunjukkan bahawa bawang putih dan pokok bunga cengkoh juga memperlihatkan aktiviti antimikrob.

Pada masa hadapan kajian antimikrob harus berfokus terhadap pemencilan komponen bioaktif yang menunjukkan aktiviti antimikrob kerana kajian seumpama itu boleh memberikan maklumat sebenar tentang bahan bioaktif yang bertindak dalam sesuatu ekstrak kasar. Akhirnya para penyelidik juga perlu menyediakan suatu pangkalan data tentang kesitoksikan terhadap sel haiwan atau manusia, mekanisme tindakan, kesan komponen bioaktif itu secara *in vivo*, kesan negatif dan positif akibat daripada interaksi diantara antibiotik komersial dan drug baru dan sebagainya. Shibata *et al.*, (2005) telah melaporkan kesan etil gallat dan β-laktam terhadap bakteria *Staphylococcus aureus* rintang metisilin (MRSA). Mereka melaporkan yang gabungan etil galat dan β-laktam telah menambahkan aktiviti antibiotik dan kesan sinergistik alkil gallat ini adalah spesifik untuk antibiotik β-laktam,

kerana tiada perubahan yang nyata ditunjukkan oleh antibiotik lain yang beliau telah uji. Kajian ini menyokong tentang manfaat yang mungkin diperolehi daripada gabungan antibiotik komersial dan drug baru daripada bahan semula jadi yang dapat mengurangkan kesan sampingan. Kajian yang telah dijalankan oleh Stermitz *et al.*, (2000) dengan menggunakan bahan semulajadi 5'-metoksihidnokarpin iaitu suatu konstituen kimia yang dipencarkan daripada minyak pati kaulmogra, dengan berberin didapati sangat menarik. Mereka menunjukkan bahawa 5'-metoksihidnokarpin sendirian tidak menunjukkan sebarang aktiviti antimikrob tetapi ia menggalakan aktiviti antimikrob berberin terhadap *Staphylococcus aureus* (Stermitz *et al.*, 2000). Mereka juga melaporkan bahawa penggumpulan berberin di dalam sel *Staphylococcus aureus* telah bertambah dengan kehadiran 5'-metoksihidnokarpin, yang membenarkan bahan semulajadi ini menggagalkan mekanisme rintangan bakteria ini terhadap berberin. Ini adalah disebabkan oleh sistem pam pelbagai rintangan *Staphylococcus aureus* dapat mengeluarkan berberin daripada selnya secara semula jadi. Kajian ini telah menunjukkan keberkesanan penggunaan antibiotik bahan semulajadi yang lemah dengan bahan semula jadi yang lain yang sesuai untuk meningkatkan aktivitinya. Kajian seumpama ini dapat meningkatkan penggunaan bahan semula jadi sebagai drug secara berasingan atau bergabung dengan antibiotik lain.

### **2.1.1 Kajian aktiviti antimikrob: Masalah dan penyelesaian**

Beberapa parameter perlu ditetapkan dalam usaha mengkaji aktiviti antimikrob daripada bahan semula jadi untuk mengelakkan masalah yang mungkin timbul seperti sumber dan kawasan persampelan bahan mentah,

kaedah yang digunakan untuk mengkaji aktiviti antimikrob, medium pertumbuhan mikroorganisma ujian serta mikroorganisma ujian itu sendiri.

Pendekatan saintifik haruslah digunakan dalam usaha pemilihan bahan mentah semula jadi. Bahan mentah tidak seharusnya dipilih secara rawak tetapi berdasarkan tentang pengetahuan etnofarmakologi dan dari segi pengunaannya dalam perubatan tradisional. Semua spesies yang digunakan haruslah diuraikan secara terperinci tentang kawasan, musim, tarikh dan masa persampelan dilakukan. Penggunaan sampel komersial haruslah dielakkan supaya faktor-faktor diatas dapat ditentukan dan untuk memastikan semua ekstrak bahan semula jadi datang daripada kawasan semula jadi.

Penggunaan pelarut tertentu dan cara pengekstrakan juga dapat mengubah keputusan akhir sesuatu kajian antimikrob. Pelarut yang paling sesuai adalah pelarut yang serupa dengan yang digunakan oleh para pengamal perubatan tradisional atau fitoterapi, walaupun di dalam makmal penyelidikan, metanol atau etanol menjadi pilihan utama. Kajian *in vitro* yang dilakukan oleh Nostro *et al.* (2000) menunjukkan bahawa ekstrak *Helichrysum italicum* atau *Phytolacca dodecandra* mempunyai aktiviti yang sederhana terhadap *Escherichia coli* apabila pelarut dietil digunakan, akan tetapi tiada aktiviti dipemerlukan apabila ia diekstrakkan secara berturutan dengan pelarut petroleum eter, diklorometan, diklorometan metanol (9:1) atau metanol. Sebaliknya, semua ekstrak yang diperolehi daripada pelbagai pelarut tersebut didapati aktif terhadap bakteria *Propionibacterium acnes*. Ini menunjukkan yang pelarut memainkan peranan penting dalam pengekstrakan komponen-komponen aktif daripada sesuatu bahan semula jadi.

pH ekstrak juga boleh mempengaruhi keputusan aktiviti antimikrob kerana kadangkala kumpulan fenolik atau karbosilik hadir di dalam ekstrak. Bahkan, bukan ekstrak yang mempunyai ion sahaja mempengaruhi aktiviti antimikrob tetapi minyak pati yang neutral juga menunjukkan aktiviti yang berlainan pada pH yang berlainan. Contohnya, minyak pati anise menunjukkan aktiviti antikulat yang tinggi pada pH 4.8 berbanding dengan pH 6.8, sementara itu minyak pati daripada *Cedrus deudora* pula adalah paling aktif pada pH 9 (Janssen *et al.*, 1987).

Kaedah yang digunakan merupakan satu lagi faktor yang perlu diberi perhatian. Untuk ekstrak tak berkutup, kaedah peresapan agar adalah tidak sesuai walaupun banyak penyelidik melaporkan kajian sedemikian. Dalam keadaan seperti itu kaedah pencairan kaldu haruslah digunakan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan dimana jumlah sampel amat sedikit maka kaedah peresapan agar boleh dipertimbangkan.

Kandungan medium pertumbuhan mikroorganisma juga boleh mempengaruhi aktiviti ekstrak atau komponen yang sedang diuji. Ross *et al.*, (2001) telah melaporkan bahawa aktiviti antimikrob ekstrak bawang putih menunjukkan aktiviti yang lebih baik apabila medium pertumbuhan tanpa tripton atau sistin digunakan. Ini mungkin disebabkan oleh kesan aktiviti sulfhidril. Ini adalah kerana kegagalan kumpulan sulfhidril (SH) yang hadir dalam sesuatu ekstrak untuk bertindakbalas dengan sistin dan tripton boleh mengurangkan aktiviti antimikrobnya.

Pemilihan mikroorganisma ujian juga memainkan peranan yang penting dalam pengujian aktiviti antimikrob (Janssen *et al.*, 1987). Mikroorganism

ujian harus dipilih dan dinyatakan dengan jelas sumbernya dan kajian lanjutan juga perlu dijalankan pada patogen yang baru dipencarkan untuk menentukan keberkesanan aktiviti antimikrob. Disamping itu kepekatan ekstrak yang digunakan haruslah bersesuaian. Ríos & Recio, (2005) telah menyatakan bahawa ekstrak yang menunjukkan aktiviti antimikrob yang baik pada kepekatan ekstrak yang rendah adalah lebih berpotensi untuk kajian antimikrob. Mereka juga mencadangkan kajian lanjutan tidak harus diteruskan dengan ekstrak yang menunjukkan aktiviti antimikrob yang baik pada kepekatan yang sangat tinggi.

## **2.2 Keperluan untuk mendapat antibiotik baru**

Penyelidikan untuk mendapatkan antibiotik baru adalah amat diperlukan walaupun pada masa kini terdapat banyak antibiotik dipasaran. Ini adalah kerana apabila kita membincangkan tentang evolusi bidang farmakognosi iaitu kajian tentang bahan semulajadi yang aktif secara biologi, ia biasanya melibatkan penjagaan kesihatan manusia sejagat, khususnya tentang penggunaan agen perubatan dalam usaha merawat dan menghalang sesuatu penyakit. Dalam masa 39 tahun lagi populasi dunia mungkin akan mencecah angka 9.2 bilion (United States Census Bureau, 2005a), iaitu sebanyak 44% lebih daripada sekarang (United States Census Bureau, 2005b). Angka ini sememangnya memberikan cahaya baru kepada bidang farmakognosi kerana agen drug yang baru amat diperlukan bagi menampung populasi yang bertambah secara mendadak, terutamanya di negara dunia ketiga yang miskin.

Mengikut Penilaian Ekosistem Millenium Amerika (United Nations, 2005) suhu dunia dijangka akan meningkat sebanyak 1.5–2.0 °C pada tahun 2050. Perubahan iklim ini akan menyebabkan kehilangan habitat semula jadi yang menjadi gedung kepada sumber bahan semula jadi. Perubahan ekosistem ini juga akan membawa kepada pelbagai penyakit berjangkit pada peringkat dunia. Ini termasuklah malaria, meningitis, leishmaniasis, denggi, ensefalitis Jepun, tripanosomiasis Afrika, skhistosomiasis, filariasis, dan penyakit diarea. Maka, para saintis perlu mengenal pasti dan melindungi bahan semula jadi yang menjadi sumber agen antibiotik atau drug, sebelum ia dipupuskan oleh perubahan iklim dunia. Secara tidak langsung, kita juga perlu menyediakan antibiotik yang secukupnya untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang bakal berlaku pada masa hadapan.

Oleh yang demikian, terdapat banyak faktor yang mendorong kepada keperluan untuk mendapatkan antibiotik baru. Antaranya ialah: (i) pertambahan populasi manusia yang mendadak akan berlaku di negara membangun berbanding dengan negara maju.

Sebenarnya jumlah populasi mungkin menurun di negara-negara Europah dan Jepun (United States Census Bureau, 2005c); (ii) harga yang tinggi - pada masa kini telah dianggarkan bahawa untuk membawa masuk sesuatu drug baru, ia memerlukan kos sebanyak US\$ 800 juta di Amerika (Di Masi *et al.*, 2003; Adams & Brantner, 2004); (iii) teknologi dan bioteknologi yang dapat digunakan dalam kajian bahan semula jadi adalah canggih, cepat dan tepat; (v) timbulnya penyakit baru yang boleh membunuh manusia (misalnya SARS, virus Marburg, virus avian flu, dan lain-lain lagi), dan

kerintangan terhadap antibiotik (Anonymous, 2000); (vi) ancaman bioterrorisme dengan menggunakan senjata biologi seperti patogen yang rentang terhadap pelbagai drug.

### **2.2.1 Timbulnya penyakit baru dan mikroorganisma baru**

Kemunculan penyakit baru dan penemuan mikroorganisma baru telah membawa kepada masalah kesihatan yang serius terhadap kesihatan manusia sejagat. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1, terdapat tujuh jenis penyakit utama yang dilaporkan menjadi pembunuhan manusia diperingkat dunia.

Pada bulan November tahun 2002 di daerah Guangdong, China suatu penyakit baru yang disebabkan oleh jangkitan koronavirus yang dikenali sebagai ‘sindrom respirasi akut yang teruk’ (SARS) telah dilaporkan. Koronavirus adalah virus yang mempunyai genom tunggal yang bersaiz 30 kb dan boleh menjangkiti haiwan dan manusia (Siddell, 1995). Sehingga 30 Desember 2005, sebanyak 142 kes telah dilaporkan dengan jumlah kematian sebanyak 74 orang, dengan nisbah kematian sebanyak 52% di negara-negara Asia seperti Kambodia, Thailand, Vietnam, Indonesia dan China (Wai-Fu Ng *et al.*, 2006). Manakala, di negara Malaysia mencatat 2 kes kematian akibat daripada penyakit ini (The Star, 10 Mei 2003). Para penyelidik menyatakan bahawa koronavirus ini merupakan virus yang baru menjangkiti manusia dan mereka mendapati kemungkinan besar virus ini

**Jadual 2.1: Penyakit utama yang menjadi pembunuh manusia di peringkat dunia**

Sumber: Data daripada laman Web Centers for Disease Control, Atlanta, October, 2004.

Penyakit	Bilangan kematian	Bialnagn kes baru setiap tahun
AIDS	3.1 juta orang	3.5 juta
Tuberculosis	2.0 juta orang	8.0 juta
Diarea	1.9 juta orang	2.7 juta
Malaria	1.0 juta orang	300-500 juta
Hepatitis B	1.0 juta orang	10-30 juta
SARS	8,096 kes, 774 orang mati (daripada 4/4/2002)	Meningkat
Penyakit berkaitan tembakau	3.5 orang mati akibat kanser paru-paru	Meningkat

dijangkiti daripada haiwan kepada manusia (zoonosis). Tambahan pula para ahli perubatan masih gagal untuk mendapatkan agen terapi yang boleh mencegah penyakit ini (Anonymous, 2005).

Ini mungkin disebabkan oleh kepentasan pembentukan strain mutan oleh virus ini (The Star, 3 Mei 2003). Kajian-kajian yang telah dilakukan di Chinese Universiti of Hong Kong pada akhir bulan Mac 2003 menunjukkan terdapat 2 jenis penyakit yang berlainan hadir pada 11 sampel virus yang diambil daripada pesakit SARS (The Star, 3 Mei 2003). Hal ini membuktikan kepentasan kejadian mutasi terhadap virus ini untuk menjadi mutan dan menghasilkan 2 jenis penyakit yang berlainan pada pesakit SARS. Keadaan ini telah merumitkan lagi usaha untuk mendapatkan agen terapi yang berkesan terhadap penyakit SARS. Walaupun terdapat beberapa vaksin untuk merawat SARS seperti vaksin MVA rekombinan dan vaksin bovin PIV-3 rekombinan, tetapi kesemua vaksin tersebut masih tidak berkesan dalam usaha merawat penyakit SARS dengan sempurna.

Pada tahun 2003 pula satu lagi penyakit baru yang dikenali sebagai Avian influenza atau selesema burung yang disebabkan oleh jangkitan virus (strain H5N1) yang biasanya menyerang burung telah dilaporkan berlaku di Asia Tenggara. Mengikut WHO sebanyak 150 juta burung dan 22 orang manusia telah mati akibat daripada wabak ini diseluruh dunia daripada tahun 2003 hingga 2005. Menurut Organisasi Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), wabak selesema burung telah mengakibat sebanyak 80 juta ternakan di negara Thailand, Vietnam dan Indonesia dibunuh dalam usaha menyekat sebaran penyakit ini (Berita Harian, 14 Februari 2004). Pada

tahun ini sahaja negara Indonesia telah melaporkan sebanyak 27 kematian daripada 33 kes yang telah dilaporkan (Anonymous, 2006). Walaupun terdapat drug seperti oseltamivir dan zanamivir untuk merawat jangkitan ini namun masih belum terdapat suatu drug atau vaksin pun yang berkesan untuk merawat penyakit ini (Anonymous, 2005) .

Pada tahun 1967 , satu lagi penyakit baru yang disebakan oleh jangkitan virus yang dikenali sebagai Marburg virus telah dilaporkan di Marburg dan Frankfurt, Jerman serta Belgrade, Yugoslavia (sekarang Serbia) (Stile *et al.*, 1968). Sejumlah 37 orang telah disahkan menghidapi penyakit demam hemoragik akibat daripada jangkitan virus ini pada masa itu. Penyakit ini telah menular ke negara lain seperti Angola, Republik Demokrasi Congo, Kenya, dan Afrika Selatan diantara tahun 1975 hingga 2004 dan telah mengakibatkan kematian sebanyak 279 orang (Lee Ligon, 2005). Penyakit ini disebabkan oleh sejenis virus RNA yang dikenali sebagai virus Ebola, daripada famili Filoviridae. Virus ini mempunyai morfologi berfilamen dengan panjang 14,000 nm dan lebar 80 nm serta bergenom tunggal (Lee Ligon, 2005). Wabak penyakit ini juga masih memerlukan agen terapi untuk merawat pesakit yang menghidapnya kerana masih tidak ada vaksin yang berkesan terhadapnya. Hanya rawatan sokongan seperti pengimbangan cecair elektrolit pesakit, mengekalkan status oksigen, mengawal tekanan darah serta merawat sebarang jangkitan yang dikenakan pada masa sekarang. Rawatan kontroversial seperti penggunaan heparin juga kadangkala dikenakan (Lee Ligon, 2005).

Pada tahun 1950 penyakit denggi yang disebabkan oleh virus yang disebarluaskan oleh vektor nyamuk *Aedes aegypti* telah dilaporkan di Filipina dan Thailand. Virus denggi ini dipindahkan kepada manusia semasa nyamuk, *Aedes aegypti* mengigit. Mengikut WHO, pada masa kini sebanyak 2.5 bilion masyarakat dunia hidup dikawasan yang mampu mendapat jangkitan penyakit denggi. Pada tahun 1998, sebanyak 1·2 juta kes denggi dengan kematian sebanyak 3442 telah dilaporkan kepada WHO (WHO, 2000; Maria & Gustavo, 2002). Pada masa ini, hanya pengawalan vektor denggi sahaja yang paling berkesan untuk mengawal penyakit ini kerana kajian tentang drug dan vaksinnya masih pada peringkat awal sahaja (Maria & Gustavo, 2002).

Fakta-fakta di atas dengan jelas menunjukkan kepada kita bahawa pelbagai penyakit baru sedang dan telah pun wujud. Malah, diantara kebanyakan penyakit baru ini masih belum ada drug atau vaksin lagi untuk mencegah atau mengubatinya secara berkesan. Keadaan ini telah mendesak para penyelidik untuk mendapatkan antibiotik atau drug baru yang mampu merawat penyakit-penyakit yang baru muncul itu.

### **2.2.2 Kerintangan mikroorganisma terhadap antibiotik**

Pada tahun 1945, dalam temubual dengan *The New York Times* mengenai penyelidikan makmal, Sir Alexander Fleming telah memberi amaran tentang penyalahgunaan penisilin boleh membawa kepada mutasi dan strain *Staphylococcus aureus* yang rintang terhadap antibiotik tersebut. Apabila keadaan ini berlaku, ia akan membawa kepada jangkitan yang lebih serius kepada manusia dan keadaan ini akan menjadi lebih parah jika strain

rintang ini disebarluaskan kepada manusia lain (Levy, 2002). Dalam masa satu tahun selepas temubual tersebut, penggunaan berleluasa antibiotik ini telah menyebabkan kewujudan strain yang rentang terhadap antibiotik tersebut (Levy, 2002). Malangnya, setiap hari selepas itu terdapat laporan tentang kewujudan strain bakteria yang rentang terhadap agen antimikrob tersedia ada dipasaran. Walaupun, bakteria yang rentang ini asalnya disebab oleh jangkitan nosokomial tetapi ia kemudiannya telah tersebar dikalangan masyarakat umum.

Untuk memastikan sesuatu benda hidup itu sentiasa wujud, ia terpaksa beradaptasi mengikut keadaan sekelilingnya. Proses adaptasi ini termasuk pengubahsuaian terhadap iklim, makanan, air, keperluan oksigen dan terhadap kehadiran bahan-bahan toksik (Alanis, 2005). Akhirnya fenomena ini telah membawa kepada wujudnya strain bakteria yang rentang terhadap antibiotik dan dalam banyak kes ia adalah rentang terhadap pelbagai agen terapi yang digunakan untuk merawat jangkitan mikrob yang bersifat patogen.

Kes pertama kerintangan antibiotik oleh bakteria telah dilaporkan pada tahun 1940an selepas pengenalan kepada antibiotik sulfonamida and penisilin iaitu *Staphylococcus aureus* (Rammelkamp, 1942). Senarai bakteria yang menunjukkan kerintangan telah meningkat secara mendadak daripada tahun 1940an hingga 1990an. Pada tahun 1970an, *Neisseria gonorrhoeae* dan *Haemophilus influenzae* yang menghasilkan  $\beta$ -laktamase telah dilaporkan mampu menunjukkan kerintangan terhadap penisilin (Jaffe *et al.*, 1981; Williams & Moosdeen, 1986; Lind, 1990; Jorgensen, 1993). *Staphylococcus aureus* yang rentang terhadap metisilin (MRSA) dan

*Mycobacterium tuberculosis* yang rintang terhadap pelbagai drug telah dilaporkan berlaku pada penghujung tahun 1970an dan pada awal tahun 1980an ( Lowy, 1998; Pablos-Mendez *et al.*, 1998; Espinal *et al.*, 2001; Lowy, 2003; Foster, 2004; Deresinski, 2005). Pada sekitar tempoh itu kerintangan antibiotik hanya berlaku dikalangan bakteria Gram negatif sahaja seperti *Shigella* sp., *Salmonella* sp., *Vibrio cholerae*, *E. coli*, *Klebsiella pneumoniae*, *Acinetobacter baumanii*, dan *Pseudomonas aeruginosa* sahaja (Smith *et al.*, 1999; Wegener, 1999; Fey *et al.*, 2000; Waterer & Wunderink, 2001; White *et al.*, 2001; Rupp & Fey, 2003).

Pengetahuan yang baik pada peringkat molekul adalah penting untuk memahami tentang kejadian kerintangan antibiotik, kerana pengetahuan sedemikian membenarkan pendekatan yang baru dalam pengurusan jangkitan yang disebabkan oleh bakteria dilakukan. Pengetahuan ini juga perlu untuk membuat strategi baru dalam pembangunan agen terapi terhadap mikrob yang menunjukkan kerintangan antibiotik. Terdapat dua mekanisme yang bertanggungjawab keatas kerintangan bakteria terhadap drug iaitu mekanisme genetik dan mekanisme biologi (Alanis, 2005).

#### **2.2.2.1 Mekanisme genetik**

Untuk berlakunya kerintangan terhadap sesuatu antibiotik kehadiran dua elemen penting adalah diperlukan: Pertama, kehadiran bahan antibiotik yang merencatkan kebanyakannya daripada bilangan mikrob yang hadir dalam sesuatu koloni bakteria atau koloni yang heterogen, dan terdapat pula sekurang-kurangnya satu bakterium yang mempunyai gen penentu kerintang antibiotik tersebut (Levy & Marshall, 2004). Jika ini berlaku, bakteria yang

mempunyai gen yang menunjukkan kerintangan akan hidup tetapi yang lain akan dibunuh oleh antibiotik. Gen daripada bakteria ini akan dipindahkan pula kepada bakteria lain supaya bakteria lain yang normal juga dapat menunjukkan kerintangan terhadap antibiotik (Levy & Marshall, 2004). Kemudian gen yang menunjukkan kerintangan terhadap antibiotik itu akan dipindahkan pula kepada bakteria lain melalui beberapa proses seperti (Alanis, 2005):

#### **a. Konjugasi**

Konjugasi merupakan kaedah pemindahan gen kerintangan yang biasa ditunjukkan oleh bakteria. Konjugasi biasanya berlaku dengan bantuan plasmid, dimana apabila dua bakteria dihubungkan dengan pembentukan pilus seks (struktur berbentuk tiup) yang membenarkan pemindah gen tersebut berlaku.

#### **b. Transformasi**

Transformasi berlaku apabila terdapat DNA yang bebas yang wujud akibat daripada kematian dan pemecahan sel bakteria yang sangat dekat dengan sel bakteria lain yang hidup. DNA yang bebas itu akan masuk ke dalam sel bakteria yang hidup dan bersatu dengan DNA bakteria tersebut.

#### **c. Transduksi**

Transduksi adalah mekanisme genetik yang ketiga. Ia biasanya melibatkan vektor seperti virus yang dapat menjangkiti bakteria, misalnya bakteriofaj. Virus yang mempunyai gen yang menunjukkan kerintangan akan